

Pengaruh Pengetahuan, Aplikasi Pengetahuan dan Keupayaan Imajinasi Terhadap Kemahiran Berfikir Pelajar

ABSTRACT

Kajian ini bertujuan untuk menentukan pengaruh langsung dan tidak langsung faktor pengetahuan, kemahiran aplikasi dan keupayaan imajinasi terhadap kemahiran berfikir pelajar tingkatan enam di Tawau. Kajian ini melibatkan 388 orang pelajar tingkatan enam daerah Tawau yang dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Instrumen kajian ini diubahsuai daripada Instrumen Kecerdasan Holistik (IKH) dan Instrumen Kemenjadian Pelajar (IKP). Analisis data kajian dijalankan menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) dan Structural Equation Modeling (SEM). Dapatan kajian menunjukkan terdapat pengaruh langsung yang signifikan antara keupayaan aplikasi pengetahuan dan keupayaan imajinasi terhadap kemahiran berfikir pelajar. Manakala faktor pengetahuan menunjukkan pengaruh langsung yang tidak signifikan kepada kemahiran berfikir pelajar. Walau bagaimanapun, faktor pengetahuan menunjukkan pengaruh tidak langsung yang signifikan terhadap kemahiran berfikir apabila digabungkan dengan keupayaan imajinasi. Dapatan kajian juga menunjukkan pembolehubah pengetahuan dan kemahiran aplikasi menyumbang 55 peratus kepada keupayaan imajinasi. Manakala ketiga-tiga variabel bebas ini menyumbang 34 peratus kepada kemahiran berfikir pelajar secara langsung dan tidak langsung. Implikasi kajian ini diharap dapat mengukuhkan teori dan amalan pengajaran dan pembelajaran untuk membantu meningkatkan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar.